

Emine, Wan Azizah saksi LoE DBKL dan Yayasan Sifar Sisa

TURKIYE PENANDA ARAS PENGURUSAN SISA

AZLAN ZAMBRY

WANITA Pertama Turkiye, Emine Erdogan dan isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyaksikan Majlis Menandatangani Surat Pertukaran (LoE) melibatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Malaysia Green Technology Corporation (MGTC) bersama Yayasan Sifar Sifar (Zero Waste Foundation) di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur.

Majlis LoE ini dibuat bagi menyerlahkan komitmen Kuala Lumpur dan Malaysia terhadap kelestarian alam sekitar serta bertujuan merintis kerjasama untuk mewujudkan rangka kerja usaha sama dalam amalan Sifar Sisa dengan memperkukuh dasar dan amalan menyokong inisiatif sifar sisa.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** dalam ucapannya berkata, lawatan Emine menggariskan hubungan yang mendalam dan berkekalan antara Turkiye dan Malaysia, khususnya dalam komitmen bersama untuk masa depan yang lebih hijau dan bersih.

“Di bawah naungan dan kepimpinan anda, dunia telah mengiktiraf keberkesanan dasar pengurusan sisa di Turkiye, yang menetapkan penanda aras global untuk kehidupan mampan.

“Malaysia juga sedang mengorak langkah besar ke arah ekonomi kitaran dan kami amat menghargai



SURAT Pertukaran (LoE) yang ditandatangani Maimunah menyerlahkan komitmen DBKL terhadap alam sekitar.

peluang ini untuk belajar dari Turkiye,” katanya.

Maimunah turut berkongsi dasar bandar yang menggalakkan penggunaan yang bertanggungjawab, iaitu Program Sisa-ke-Kekayaan, yang menggalakkan kitar semula dan inisiatif Satu Komuniti, Satu Kitar Semula (1C1R), usaha kitar semula yang dipacu komuniti yang terus membantu bandar mengurangkan sisa tapak pelupusan.

“Puan Yang Terutama, kehadiran

anda di sini memberi peringatan yang kuat bahawa kemampanan bukan sekadar dasar tetapi cara hidup.

“Demi mencapai wawasan ini, ia memerlukan semua pendekatan masyarakat bersama-sama dan kita boleh membina model untuk bandar-bandar yang telah anda perjuangkan di peringkat nasional dan global. Melalui kami, anda mempunyai penyokong kuat dan rakan sifar sisa di rantau ASEAN.

“Semoga lawatan ini memberi

inspirasi kepada kerjasama yang lebih erat dan mengukuhkan visi bersama kami untuk dunia yang mampan dan bebas sisa,” katanya.

Surat-surat itu ditandatangani oleh Presiden Zero Waste Foundation, Samed Agirbas; Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Pengerusi Lembaga Pengarah MGTC, Shareen Shariza Abdul Ghani.

Kerjasama antara Zero Waste Foundation bersama DBKL dan MGTC bermatlamatkan Pengurangan & Kitar Semula Sisa dan bertekad

untuk meningkatkan usaha untuk meminimumkan sisa dan menggalakkan program kitar semula.

LoE itu turut merangkumi Pembinaan Kapasiti & Pemindahan Teknologi dengan menganjurkan program latihan, pertukaran teknologi dan kemahiran pembangunan dalam usaha sifar sisa dan ia turut membabitkan Pertukaran Amalan Terbaik bagi memudahkan perkongsian pengetahuan mengenai prinsip sifar sisa di peringkat nasional dan antarabangsa.

Terdahulu, ketibaan Emine disambut oleh Wan Azizah Wan Ismail; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa; Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Noridah Abdul Rahim dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Nor Yahati Awang.

Beliau kemudian dibawa melawat ke reruai yang mempamerkan Pengurusan Sisa Sifar Kuala Lumpur oleh DBKL, Renergy Bumi Hijau dan MGTC, Berjaya Enviroparks Sdn Bhd, Green Unity Ventures, Persatuan Sosioekonomi dan Alam Sekitar (PERSEAS) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Sebagai seorang penyokong terulung dunia untuk kelestarian alam sekitar, Emine turut menanam pokok Merbau (*Intsia palembanica*, *Leguminosae*) di kawasan taman.